

Kandungan

Karnival Bulan Membaca Kebangsaan 2003	1
Bengkel Kemahiran Maklumat 2003	1
Berita Semasa	
The World Library and Information Congress Berlin, Germany 2003	2
Senarai Ahli Baru PPM	2
Berita Semasa	
Karnival Bulan Membaca 2003	3
Bengkel Kemahiran Maklumat 2003	3
Senarai Ahli Baru PPM	3
Berita Semasa	
Persaraan Cik Rosna Taib (UTM)	4
Persaraan Encik Abdul Wahid (UiTM)	4
The World Library and Information Congress Berlin, Germany 2003	4
Persidangan / Bengkel	
Dialog Pustakawan Dengan Pembekal Buku 22 Julai 2003	5
Perpustakaan UKM Lancar Bulan Membaca	5
Kalendar Aktiviti 2003	5
Maklumat Korporat Penaja	
Elsevier Science Sdn Bhd	6
Sekitar Perpustakaan	
Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM	7
Anugerah Keahlian Kehormat PPM	8
PPM Council Members 2003/2005	8



Ketua Pengarang

Maimunah Kadir

Sidang pengarang

Aripah Mohamed

Azmah Ishak

Hazmir Hj. Zainal

Mariati Embong

Norbaizura Hj. Malek

Grafik/layout

Azlan Mohamad Hamzah

Pengumuman

Lokasi untuk 6th ICADL 2003 yang dijadualkan berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur telah berpindah ke Prince Hotel & Residence Kuala Lumpur yang bertempat di Jalan Conlay, Kuala Lumpur di atas sebab-sebab tertentu. Harap Maklum

Karnival Bulan Membaca Kebangsaan 2003

Karnival Bulan Membaca

Kebangsaan 2003, pada Bulan Julai yang lepas dianggap lebih meriah dan menyeluruh berbanding Bulan Membaca yang disambut pada setiap Julai sebelum ini. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) selaku Urus Setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan dengan kerjasama Perpustakaan Awam Negeri berfungsi dalam memastikan budaya cintakan ilmu berjaya dipupuk.

Seperti tahun lepas, 'baca@ gaya hidup' dipilih sebagai tema Bulan Membaca kali ini yang menonjolkan dua aspek penting yang harus dipupuk untuk menjayakan masyarakat negara maju selaras dengan Wawasan 2020.

Pelbagai acara telah diadakan membabitkan penyertaan orang ramai terutama ibu bapa dan pelajar sekolah iaitu pertandingan, kempen, bengkel, ceramah, pameran dan pelancaran buku, yang dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Turut hadir Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Dato' Zawiyah Baba; Pengerusi Lembaga Penasihat PNM, Tan Sri Rashdan Baba; Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat dan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Ruslin Hassan.

Antara acara yang diadakan ialah pertandingan Carian Maklumat (Info hunt), Kempen Keahlian PNM dan Perpustakaan Awam Negeri, program Bacaan Kegemaran Saya (BKS), pelancaran buku, pementasan teater babak Hang Tuah, bengkel meneroka pangkalan data elektronik dan kem Galak Belia Membaca bagi memeriahkan lagi kempen kali ini.

Lihat Muka 3



Acara Perasmian oleh YB Menteri Pendidikan



*Diucapkan
Selamat Berpuasa
&
Selamat Hari Raya Aidilfitri
1 Syawal 1424 Hijrah*

Bengkel Kemahiran Maklumat 2003

Bengkel Kemahiran Maklumat 2003 telah berjaya diadakan pada 28-30 Julai 2003 bertempat di Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu. Bengkel anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) ini adalah dengan kerjasama Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu, Perpustakaan UKM dan

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. Perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Idris Jusoh, Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Seramai 200 orang jemputan telah menghadiri Majlis Perasmian bengkel di Dewan Besar

Lihat Muka 3

Berita PPM Keluaran Sept / Okt 2003 ini ditaja oleh Elsevier Science Sdn Bhd